



## SELAMAT HARI PUSTAKAWAN MALAYSIA

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

SEGMENT KHAS

# Hari Pustakawan Malaysia



**SELAMAT HARI PUSTAKAWAN MALAYSIA**  
6 JUN 2020

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum warohmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, dan Salam UITM Dihatiku.

Ts. Noor Hidayat bin Adnan  
Ketua Pustakawan UITM

Alhamdulillah, Hari ini merupakan Hari pengiktirafan dan penghargaan kepada semua Pustakawan Malaysia. Hari Pustakawan Malaysia pada tahun ini diraikan pada 6 Jun 2020 dengan tema #tetaprelevan dan #stayingrelevant.

Menjadi kesempatan ini, Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Pustakawan Malaysia kepada semua Pustakawan-Pustakawan di seluruh Malaysia khususnya kepada Pustakawan Perpustakaan UITM.

Sebagaimana Amanat Naib Canselor UITM 2020 pada 26 Februari 2020 yang lepas dengan tema *Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Hadapan. Merencanakan Kerjasama Pintar Ke Arah Jenama Global* serta juga tema Perpustakaan tahun 2020 *"Towards A Globally Renowned University"*, "Unleashing Potential of Librarians, Shaping The Future of Library", semua Pustakawan UITM berjumlah 118 pegawai akan terus meningkatkan peranan dalam memberi perkhidmatan terbaik bagi menyinari keilmuan warga universiti, rakyat dan penduduk dunia secara keseluruhannya. Sejar dengan Model Perpustakaan Digital Perpustakaan UITM yang telah dibengunkan merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu perkhidmatan digital, koleksi digital dan proses digital, insiallah ia dapat memastikan peranan dan perkhidmatan perpustakaan terus relevan, diperlukan sepanjang masa serta menyumbang kepada ketampakan fungsi perpustakaan dan pustakawan. InyaaAllah, Terima Kasih.

SELAMAT HARI PUSTAKAWAN MALAYSIA 2020  
#tetaprelevan  
#stayingrelevant



Hari Pustakawan Malaysia telah diistiharkan pada 6 Jun setiap tahun. Ianya bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada semua professional yang bergelar Pustakawan di Malaysia. Tahun ini ianya diraikan dengan tema #tetaprelevan #stayingrelevant.

Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Malaysia yang mempunyai jaringan 38 buah perpustakaan di seluruh Malaysia dan diketuai oleh Ts Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Pustakawan mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pustakawan 2020 kepada semua PUSTAKAWAN di Malaysia khususnya Pustakawan di Perpustakaan UITM. #tetaprelevan #stayingrelevant.

# #tetaprelevan #stayingrelevant





LIVE  
STREAMING

"PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN SEMASA PANDEMIK COVID-19 ANTARA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UiTM (MALAYSIA), PERPUSTAKAAN UNIVERSITAS NEGERI SEMARANG (INDONESIA), DAN PERPUSTAKAAN INSTITUT TEKNOLOGI BANDUNG, INDONESIA."

26 JUN 2020

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

00:00:20:05

STAY CONNECTED  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE!

UNNES UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**Live@PTAR**

**PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN SEMASA PANDEMIK COVID-19**  
Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM (Malaysia), Perpustakaan Universitas Negeri Semarang (Indonesia), dan Perpustakaan Institut Teknologi Bandung, Indonesia.

**26 JUN 2020 • JUMMAT • 10:00 PAGI**

PANEL	PANEL	PANEL	MODERATOR
			
Dr. Eng. Yuli Setyo Indartono Kepala UPT Perpustakaan ITB	Mr. Mokhammad Zakaria Eko Handoyo Kepala Perpustakaan UNNES	Ts. Haji Azizi Jantan Ketua Jabatan Perpustakaan Digital UiTM Shah Alam	Encik Jamalludin Haji Sulaiman Ketua Jabatan Perpustakaan UiTM Shah Alam

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Live@PTAR International bertajuk *Perkongsian Amalan Terbaik Pengurusan dan Perkhidmatan Perpustakaan semasa Pandemi Covid-19 antara Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM (Malaysia), Perpustakaan Universitas Negeri Semarang (Indonesia), dan Perpustakaan Institut Teknologi Bandung, Indonesia.* Antara kupasan utama adalah perkongsian pengurusan dan penawaran perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna, teknologi yang digunakan dan persediaan dalam menghadapi pandemik. Program secara langsung menerusi Youtube dan Facebook Rasmi Perpustakaan ini telah mendapat tontonan lebih dari 3000 penonton dari dalam dan luar negara. Program ini dikendalikan oleh : En Jamalludin Sulaiman, Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan selaku moderator dan Panel jemputan terdiri daripada wakil Perpustakaan UiTM - Ts Tuan Haji Azizi Jantan, Ketua Jabatan Perpustakaan Digital, Perpustakaan UNNES - Mr. Mokhammad Zakaria Eko Handoyo, Kepala Perpustakaan UNNES dan Perpustakaan ITB - Dr.Eng. Yuli Setyo Indartono, Kepala UPT Perpustakaan ITB

Untuk melihat semula program boleh layari :



Youtube Channel - Perpustakaan UiTM



Perpustakaan UiTM



**LIVE**  
**STREAMING**

**LIVE@PTAR : SEGMENT BERSAMA PAKAR MUZIK TRADISIONAL  
MELAYU DARI FAKULTI MUZIK  
15 JUN 2020**

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

00:00:20:05

REC  
Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

**LIVE@PTAR SEGMENT BERSAMA PAKAR  
BICARA PAKAR MUZIK TRADISIONAL MELAYU**  
BONGKAWAT DAN PERKOMBIAN PERMAINAN ALAT MUZIK TRADISIONAL  
MELAYU | BERSAMA MELAYU TALU TIGAY

15 JUN 2020 | ISNIN | 9.30 PAGI

MODERATOR : SITI ROHAYU MOHD YUSOF  
PUSTAKAWAN KANAN  
PTAR UiTM SHAH ALAM

Mohd KAMRULbahri HUSSIN @ Wak Long  
PENGARAH  
PENGARAJAN TRADISIONAL MELAYU  
& PENSARAH KANAN MUZIK TRADISIONAL MELAYU  
FAKULTI MUZIK UiTM SHAH ALAM  
www.music.uitm.edu.my

STAY CONNECT  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

QR codes

https://library.uitm.edu.my | library | 1920x1080 25 FPS

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Live@PTAR dibawah Segmen Bicara Pakar bertajuk Bersama Pakar Muzik Tradisional Melayu Secara atas talian di Facebook dan Youtube Perpustakaan. Moderator bagi program ini adalah Puan Siti Rohayu Mohd Yusof - Pustakawan Kanan PTAR UiTM Shah Alam manakala Pakar jemputan adalah Encik Mohd KAMRULbahri Hussin @ Wak Long - Pengarah Pengajian Tradisional Melayu & Pensyarah Kanan Muzik Tradisional Melayu. Seramai 1900 orang yang telah menonton program ini.

Untuk melihat semula program boleh layari :

 Youtube Channel - Perpustakaan UiTM

 Perpustakaan UiTM



**LIVE**  
**STREAMING**

**LIVE@PTAR : "SEGMENT BICARA PAKAR KECERGASAN  
DAN PENJAGAAN JANTUNG "**  
16 JUN 2020

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

**LIVE@PTAR**  
**KEKAL SIHAT DAN CERGAS SEPANJANG  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
PEMULIHAN(PKPP) 16 JUN 2020 | SELASA | 10.00 PAGI**

**PANEL**  
MUKHAMMAD ZUL DARNAN BIN MOHD NASIR  
#ZULDARNAN  
FAKULTI SAINS SUKAN  
UITM KAMPUS SEREMBAN

**PANEL**  
PROF. MADYA DR. HASHBULLAH ISMAIL  
CARDIAC REHABILITATION SPECIALIST  
PEJABAT JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI  
DAN ALUMNI UITM

**MODERATOR**  
SITI SALWA A. RAHMAN  
PUSTAKAWAN  
PTAR UITM SHAH ALAM

<https://library.uitm.edu.my> | [f ibrayuitm](https://www.facebook.com/ibrayuitm) | [yt ibrayuitm](https://www.youtube.com/channel/UC1m1bray) | [ig ibrayuitm](https://www.instagram.com/ibrayuitm)

STAY CONNECT  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UITM Shah Alam telah menganjurkan Program Live@PTAR dibawah Segmen Bicara Pakar bertajuk Bicara Pakar Kecergasan (Fitness) dan Penjagaan Jantung : Kekal sihat dan cergas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan. Antara kupasan utama adalah perkongsian kepada masyarakat berkaitan kepentingan membuat senaman bagi mengekalkan gaya hidup sihat serta penjagaan jantung. Program secara langsung menerusi Youtube dan Facebook Rasmi Perpustakaan ini telah mendapat tontonan kira-kira 3000 penonton. Moderator bagi program ini adalah Puan Siti Salwa A. Rahman, Pustakawan Kanan dan Panelis jemputan adalah Prof. Madya Dr. Hashbullah Ismail - Cardiac Rehabilitation Specialist, Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni, UITM dan En Muhammad Zulqarnain Bin Mohd Nasir, Pensyarah, Fakulti Sains Sukan, UITM

Untuk melihat semula program boleh layari :



Youtube Channel - Perpustakaan UITM



Perpustakaan UITM



**LIVE**  
**STREAMING**

**LIVE@PTAR : "SEGMENT BICARA PAKAR BERSAMA DEKAN FAKULTI PERLADANGAN  
DAN AGROTEKNOLOGI "**  
19 JUN 2020

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

The screenshot shows a live streaming interface with a green background. At the top left, there is a 'REC' logo and a timer '00:00:20:05'. The main title is 'LIVE@PTAR' in yellow. Below it, the subtitle reads 'Bicara Pakar Bersama Dekan Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi, UiTM'. A date and time banner indicates '19 JUN 2020 3:00 PETANG'. Two QR codes are visible on the right side. The interface features a 'MODERATOR' section with a photo of Puan Eza Eliana Abdul Wahid, a 'PANEL' section with a photo of Prof Madya Dr Mohd Rasdi Zaini, and a 'MENU' icon at the bottom right. The background also has the text 'AGRO-TECHNOLOGY'.

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Live@PTAR dibawah Segmen Bicara Pakar bertajuk Bicara Pakar bersama Dekan Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi, UiTM. Antara kupasan utama adalah potensi industri perladangan, pertanian dan agroteknologi bagi menghadapi pandemik covid-19 dan ancaman virus di masa hadapan. Program secara langsung menerusi Youtube dan Facebook Rasmi Perpustakaan ini telah mendapat tontonan lebih dari 2, 700 penonton. Moderator bagi program ini adalah Puan Eza Eliana Abdul Wahid, Pustakawan Kanan dan Pakar jemputan adalah Prof Madya Dr Mohd Rasdi Zaini, Dekan Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi.

Untuk melihat semula program boleh layari :



Youtube Channel - Perpustakaan UiTM



Perpustakaan UiTM



## STAF PTAR MENYERTAI KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE PERINGKAT MINI (MTE<sub>x</sub>) 2020 WILAYAH SELATAN 29 JUN 2020

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



Konvensyen Team Excellence Peringkat Mini (MTE<sub>x</sub>) 2020 Wilayah Selatan telah berlangsung pada 29 Jun 2020 secara atas talian. Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah diwakili oleh dua kumpulan iaitu Kumpulan I-Clique dan ERA yang terdiri daripada Kumpulan I-Clique dan Kumpulan ERA. Sekitar rakaman pembentangan projek yang dibentangkan secara maya.

### KUMPULAN KIK I-CLIQUE



1. Tn. Haji Ahmad Faizar bin Jaafar (Fasilitator)
2. Cik Wan Noor Sazidah Binti Wan Fauzi (Ketua Kumpulan)
3. Pn. Nur Azini Binti Azman
4. Pn. Nur Lian Binti Abd Halid,
5. Pn. Nur Fatin Nadia Binti Mohamed Nadzri,
6. En. Mohd Farid bin Mohamed Said
7. En. Erry Ezzani bin Mazlee

### KUMPULAN KIK ERA



1. Dr. Hajah Zalifah binti Awang Zakaria (Fasilitator)
2. Pn. Nurul Fariah binti Sarmin Panut (Ketua Kumpulan)
3. Cik Nordiana binti Tukijo
4. Pn. Jaamayah binti Kosnan
5. Cik Kamarunnisa binti Mudhar
6. En. Silsoh bin Khairol

## SIMPLE STEPS TO USE ERESOURCES e-BOOK



Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

**STAY CONNECTED**

ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

Discover our  
**eRESOURCES**  
**eBOOKS**



**MORE THAN 17,000 TITLES & IT'S FREE...**

**SEARCH &  
DOWNLOAD NOW!!!**

<http://ebook.library.uitm.edu.my/>

## Simple steps to use eBooks

1

### Search eBooks

at search box key in any keywords, title, author etc.



2

### Search Result


users can retrieve total of ebooks by topics within their search



3

### Access eBooks

- Click "View Fulltext via EzAccess"
- Login:
  - > Username : Student & Staff ID
  - > Password : IC no. or Passport No.



<https://library.uitm.edu.my>



libraryuitm



uitmlibrary



libraryuitm

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) BERADA DI KEDUDUKAN PERTAMA DIDUNIA BAGI EMERALD HIGH USAGE AWARD TAHUN 2019


Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

Shah Alam - Emerald High Usage Award merupakan pengiktirafan antarabangsa yang diberikan oleh Emerald Publishing kepada pelanggan mereka yang memperolehi jumlah muat turun yang tertinggi dalam pangkalan data Emerald Premium bagi tempoh Januari sehingga Disember setiap tahun.

Bagi tahun 2019, Universiti Teknologi MARA sekali lagi mendapat tempat pertama untuk Emerald High Usage Award dengan muat turun sebanyak **550,891** bagi tempoh langganan bermula **1 Oktober 2019** sehingga **31 Disember 2020**. Ini merupakan kali **ke-9 pengiktirafan antarabangsa** ini diperolehi oleh UiTM.

Berikut merupakan 20 institusi yang mendapat pengiktirafan Emerald High Usage Award mengikut kedudukan bagi tahun 2019.

1. **Universiti Teknologi MARA, Malaysia**
2. EKB Data Centre, Egypt
3. Liberty University, USA
4. Universitas Trisakti, Indonesia
5. Universiti Utara, Malaysia
6. Northumbria University, UK
7. University of Liverpool, UK
8. Griffith University, Australia
9. University of Manchester, UK
10. RMIT University, Australia
11. Universitas Gadjah Mada, Indonesia
12. Queensland University of Technology, Australia
13. Universitas Indonesia, Indonesia
14. Queensland University of Technology, Australia
15. Manchester Metropolitan University, UK
16. Curtin University, Australia
17. University of Phoenix, USA
18. University of Sri Jayewardenepura, Sri Lanka
19. IQRA University, Pakistan
20. International Islamic University Malaysia, Malaysia



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada UiTM atas pengiktirafan tersebut. Terima kasih kepada semua warga UiTM yang menjadikan jurnal atas talian khususnya dan sumber elektronik yang dikendalikan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak sebagai rujukan utama dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UiTM. Pengiktirafan antarabangsa ini diperolehi oleh UiTM.

### Rujukan Pengiktirafan:

<https://www.emeraldgroupublishing.com/topics/awards/news/celebrating-emeralds-annual-high-usage-awards-2020>



ARCHIVE COLLECTION (JABATAN ARKIB UNIVERSITI)

PROMOSI

# Archive Collection

Vol. 1 Jun 2020

**KHAZANAH SEJARAH  
UiTM**

## PERTEMUAN SETELAH 30 TAHUN

Bekas Pelajar-Pelajar RIDA 1955/57



6 Julai 1985 di Hotel Dayang  
Petaling Jaya

**Tajuk Bahan** : Pertemuan setelah 30 tahun bekas  
pelajar-pelajar RIDA 1955/1957

**Pewujud** : Daud Baharum, Aziz Ishak,  
Jamaludin dan Khalid Jais

**Tahun** : 1987

**Bil./Vol.** : Tiada

**Bil. M/S.** : 20

**Penerbit** : Agensi Penerbitan Nusantara

**Deskripsi** :

Buku ini mengandungi maklumat berkaitan bekas pelajar-pelajar RIDA sesi 1955/1957 yang dipertemuan semula setelah 30 tahun pada 06 Julai 1985 di Hotel Dayang, Petaling Jaya. Selain itu, buku ini juga mengenai sejarah penubuhan Dewan Latehan RIDA seperti penuntut, aktiviti dan program yang dijalankan serta gambar-gambar bernilai seperti Penuntut Tahun 1956/57 bersama Tuan Syed Alwi Al-hady dan Hari Pembukaan Dewan Latehan RIDA, Petaling Jaya pada 14 Februari 1957.

**Archive Collection** diterbitkan oleh Jabatan Arkib Universiti, PTAR bagi mempromosikan koleksi bahan arkib universiti kepada warga universiti dan penyelidik luar. Lanya diterbitkan secara bulanan.

UiTM *di hatiku* PTAR



This item is available at  
Jabatan Arkib Universiti  
Please **SCAN** me, for more details

Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA

Archive Collection diterbitkan oleh Jabatan Arkib Universiti, PTAR bagi mempromosikan koleksi bahan arkib universiti kepada warga universiti dan penyelidik luar.

Facebook Rasmi : Jabatan Arkib Universiti  
<https://www.facebook.com/arkib.universiti>

Talian Pejabat Bahagian Perkhidmatan Arkib : 03-5544 3173 / 3158

## TAHNAH KEPADA PEMENANG KUIZ SCIENCE DIRECT



Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

**STAY CONNECTED**

ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

# TAHNAH!

## PEMENANG SCIENCE DIRECT ONLINE QUIZ



**ADDAWIAAH AWANG**

PEJABAT BENDAHARI UiTM CAWANGAN TERENGGANU  
ELSEVIER LAPTOP BAG AND NOTEBOOK




**ILI SHAIRAH ABDUL HALIM**

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK UiTM SHAH ALAM  
ELSEVIER WIRELESS HEADPHONES AND FOLDER WITH WRITING PAD



**ZUL ADLAN MOHD HIR**

FAKULTI SAINS GUNAAN UiTM CAWANGAN PAHANG  
ELSEVIER BOTTLE AND USB HUB



**ADDAWIAAH AWANG**



**ILI SHAIRAH ABDUL HALIM**



**ZUL ADLAN MOHD HIR**

## Program Library Outreach @PTAR DI FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA, UiTM 17 JUN 2020

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

TERBUKA KEPADA SEMUA WARGA FAKULTI SENI LUKIS SENI REKA

# Library Outreach


@PTAR 2020

**TARIKH** : 17 JUN 2020 (RABU)  
**MASA** : 2:30 PTG - 4:30 PTG  
**MEDIUM** : SECARA MAYA  
(FACEBOOK DAN YOUTUBE RASMI PTAR)

**PETICERAMAH**

 PUAN ADLINA ABDULLAH	<b>PETICERAMAH</b>	 TUAN HJ. AHMAD FAIZAR JAAFAR	<b>PETINELARAS LIBRARY OUTREACH @PTAR FSSR</b>	 PUAN SITI NUR ZAHARA MOHD RAZAK
--	--------------------	--	--	---

librari@utms.edu.my | librari@utms.edu.my | utmslibrary | librari@utms.edu.my



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan Program Library Outreach secara maya buat pertama kali berdasarkan Norma Baharu Perpustakaan pada 17 Jun 2020. Program ini dikendalikan oleh Puan Adlina Abdullah, Pustakawan Kanan dan Tn Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pustakawan Kanan. Ianya bagi memberikan pendedahan tentang perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan perpustakaan kepada warga Fakulti FSSR. Selain itu, ianya bagi mewujudkan hubungan baik dan mendapatkan maklumbalas secara langsung akan keperluan warga fakulti terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

## PAMERAN MAYA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK DI SEMUA CAWANGAN UiTM BULAN JUN 2020

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

SEGMENT KHAS




Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

STAY CONNECTED  
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

# PAMERAN MAYA

## PERPUSTAKAAN UiTM

Hak Cipta Terpelihara ©Perpustakaan TunAbdul Razak



Pameran ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai isu-isu semasa dan sebagai maklumat umum kepada warga UiTM.

Tajuk Pameran Maya dan pautan bagi bulan Jun 2020:

- 01** **UiTM Shah Alam - Infografik Penularan Covid-19**  
<https://virtualexhibitionptar.blogspot.com/>
- 02** **UiTM Cawangan Negeri Sembilan - Reducing Stress and Anxiety in the Time of COVID-19**  
<http://library.nsembilan.uitm.edu.my/v1/index.php/collections/exhibitions>
- 03** **UiTM Cawangan Kelantan - Senarai Yang di-Pertuan Agong Malaysia**  
<http://library.kelantan.uitm.edu.my/v1/index.php/collections/exhibitions>
- 04** **UiTM Cawangan Terengganu - Coronavirus Disease**  
<https://library.uitm.edu.my/terengganu/collections/exhibitions>
- 05** **UiTM Kampus Puncak Perdana - Buku-buku Biblioterapi Siri 1**  
<https://library.uitm.edu.my/perdana/collections/exhibitions/>
- 06** **UiTM Cawangan Melaka - Tip Peperiksaan**  
<http://library.melaka.uitm.edu.my/v1/index.php/koleksi-maklumat/virtual-exhibition>
- 07** **UiTM Kampus Seri Iskandar - COVID 19 Corona Virus Disease 2019**  
<https://library.uitm.edu.my/perak/collections/exhibitions/187-covid-19-corona-virus-disease-2019>
- 08** **UiTM Kampus Tapah - Normal Baharu Hari Raya Aidilfitri 2020**  
<https://library.uitm.edu.my/perak/collections/exhibitions/186-normal-baharu-hari-raya-aidil-fitri-2020>
- 09** **UiTM Cawangan Kedah - Academic Tools for Plagiarism (Students Version) - Turnitin**  
<http://library.kedah.uitm.edu.my/v1/index.php/en/home/mengenai-kami/koleksi/pameran-maya>
- 10** **UiTM Kampus Puncak Alam - Hari Pustakawan 2020**  
<http://library.puncakalam.uitm.edu.my/collections/exhibitions>
- 11** **UiTM Cawangan Sabah - Women's health**  
<https://library.uitm.edu.my/sabah/collections/exhibitions>
- 12** **UiTM Cawangan Pulau Pinang - Fake News**  
<http://library.penang.uitm.edu.my/v1/index.php/collections/exhibitions>

Like and follow us

<https://twitter.com/uitmlibrary>

<https://www.instagram.com/libraryuitm/>

<https://perpustakaanuitm.blogspot.my/>

<https://www.facebook.com/libraryuitm>

**LIVE**  
**STREAMING**

## MY READING ADVENTURES SIRI 1 : 11 JUN 2020

Disediakan oleh : Siti Rozana Binti Mat Sanat

REC 00:00:20:05

# MY READING ADVENTURES

Sesi PTDI Tarikh: 11 Jun 2020 (Khamis) Masa: 11.00 pagi

Moderator

Enik Roslan Mohd Nor  
1920X1980,25 FPS

Panel

Puan Siti Rozana Mat Sanat  
Pustakawan Kanan

Puan Hayati Daud  
Pembantu Pustakawan Kanan

Enik Roslan Darnaji  
Pembantu Pustakawan Kanan

Enik Sujarmo Abd Karim  
Pembantu Pustakawan

Enik Mohd Shafiq Mohd Danial  
Pembantu Pustakawan

ptdijohor

Puan Siti Rozana Mat Sanat

Tajuk buku :  
365 Resepi Istimewa Chef Hanielize




Pengarang:  
Chef Hanielize

**SINOPSIS**

Buku 1 Hari 1 Resepi 365 Resepi Istimewa Chef Hanielize adalah keluaran khas yang menampilkan 365 resipi hasil kreativiti Chef Hanielize yang boleh dicuba setiap hari. Antara resipi istimewa yang terkandung di dalam buku ini ialah aneka masakan berasaskan ayam, daging, kambing, kerabu dan salad, makanan barat, makanan laut, mi dan mi, nasi, sambal dan sos, sayur, tauhu dan telur, puding dan desert, ikan, kuih kukus serta kuih muih miang petang.

Puan Hayati Daud

Tajuk buku :  
Ensiklopedia Solat



Pengarang:  
Kumpulan Telaga Biru Sdn Bhd

**SINOPSIS**

Membahaskan serba-serbi tentang solat. Direka dalam bentuk dalamannya yang mesra pembaca dan mudah difahami. Disertakan dengan ilustrasi, foto, gambar rajah, peta minda, dan jadual. Gaya bahasa yang mudah, ringkas dan santai. Menggunakan kitab rujukan yang muktabar.

My Reading Adventures Siri 1 @ PTDI Kampus Segamat telah berlangsung dengan jayanya pada 11 Jun 2020. Sesi ini diadakan dengan tujuan membudayakan Program Galakan Membaca dikalangan warga PTDI. Program ini telah dikendalikan oleh En Roslan bin Mohd Nor, Pembantu Pustakawan Kanan, dan berlangsung secara atas talian melalui platform google meet. Aktiviti ini juga turut melibatkan staf PTDI Kampus Pasir Gudang. Selain berkongsi bahan bacaan yang dibaca, ahli panel juga membincangkan topik bagaimana untuk membudayakan aktiviti membaca dikalangan staf yang sibuk dengan tugas harian. Dan diharapkan perkongsian ini memberi manfaat kepada semua.

**LIVE**  
**STREAMING**

SESI PERKONGSIAN ILMU @ PTDI : 11 JUN 2020

Disediakan oleh : Siti Rozana Binti Mat Sanat

**SESI PERKONGSIAN ILMU**  
PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL, UI TM CAWANGAN JOHOR

**"Google shortlink & QR Code"**

Tarikh: 2 Jun 2020 (Selasa)  
Masa: 10.00 pagi

1920X1080 25 FPS  
GOOGLE MEET:  
<https://meet.google.com/usb-shxz-hcu>

Penceramah:  
Encik Ahmad Akmal Bin Mohd Idris  
Pustakawan Kanan  
Perpustakaan Tun Dr Ismail, UI TM Cawangan Johor

**SESI PERKONGSIAN ILMU**  
*Executive Information System (EIS)*

Tarikh: 7 Jun 2020 (Ahad)  
Masa: 10.00 pagi

GOOGLE MEET:  
<https://meet.google.com/usb-duly-sdd>

Penceramah:  
Puan Siti Rozana Binti Mat Sanat  
Pustakawan Kanan,

**SESI PERKONGSIAN ILMU**  
*Streamyard: go LIVE*

Tarikh: 18 Jun 2020 (Khamis)  
Masa: 11.00 Pagi

Platform:  
Google Meet

Penceramah:  
Encik Mohd Azmi Bin Samsuri  
Pembantu Pustakawan Kanan

Peserta:  
Staf PTDI Sahaja

*Supervisor*  
Encik Sujarmo bin Abd Karim

**My Account & My K&M portal**

28 JUNE 2020 (SUNDAY)  
3.00 PM

Meeting ID : [meet.google.com/ngkj-mpgop-ssz](https://meet.google.com/ngkj-mpgop-ssz)

Perpustakaan Tun Dr. Ismail UiTM Cawangan Johor telah melaksanakan pelbagai sesi perkongsian ilmu sepanjang bulan Jun 2020 dan berlangsung secara atas talian melalui medium google meet. Sesi perkongsian ini diberi oleh staf PTDI sendiri mengikut kemahiran dan kompetensi yang dimiliki. Sesi ini diadakan dengan tujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang tugas dan sesi ini secara langsung menyumbang kepada pencapaian jam latihan staf.

Sepanjang bulan Jun terdapat 4 sesi perkongsian ilmu yang telah disampaikan iaitu :  
Google Shortlink & QR Code oleh En Ahmad Akmal bin Mohd Idris – 2 Jun 2020  
Executive Management System (EIS) oleh Puan Siti Rozana binti Mat Sanat – 7 Jun 2020  
Streamyard : go LIVE oleh En. Mohd Azmi bin Samsuri – 18 Jun 2020  
My Account & My Knowledge Management Portal oleh Encik Sujarmo bin Abd Karim - 28 Jun 2020

Selepas sesi perkongsian ilmu My Account & My Knowledge Management Portal, Puan Mawar Noor turut memberi penerangan kepada semua staf PTDI berkaitan kaedah pencarian bahan menggunakan e-book. Adalah diharapkan dengan adanya sesi ini akan membantu meningkatkan kemahiran semua staf dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang.

**LIVE**  
**STREAMING**
**LIBRARY OUTREACH BERSAMA FAKULTI PENGURUSAN  
 MAKLUMAT (FPM) : 29 JUN 2020**

Disediakan oleh : Siti Rozana Binti Mat Sanat

# LIBRARY OUTREACH : SERIES 1

 2.30 petang – 3.30 petang  
 GoogleMeet

 Slot 1:  
 Puan Siti Rozana

 Slot 2:  
 En Ahmad Akmal

 Slot 3:  
 Puan Mawar Noor

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
 29 JUN 2020 (ISNIN)**


Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) tidak menghalang pihak Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Cawangan Johor untuk mengadakan program Library Outreach. Program Library Outreach Bersama Fakulti Pengurusan Maklumat telah diadakan pada 29 Jun 2020, secara atas talian (google meet). Program ini diadakan untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan kepada warga universiti.

Program Library Outreach ini mendapat sambutan yang amat baik daripada pihak Fakulti Pengurusan Maklumat apabila wujudnya komunikasi dua hala. Seramai 15 orang pensyarah telah terlibat dan sedikit sesi latihan (pencarian bahan melalui ebook) diadakan bagi melihat keberkesanan program. Pihak PTDI merakamkan setinggi penghargaan kepada Puan Nurhafizah binti Azizan, Ketua Pusat Pengajian FPM, para pensyarah dan tidak ketinggalan Puan Nor Asihah binti Alias, Timbalan Ketua Pustakawan yang turut serta semasa sesi Library Outreach tersebut.

## SUSUN ATUR PTDI MENGIKUT SOP : 14 JUN 2020

Disediakan oleh : Nor Azelea Mohd Azahar



Gotong-royong dilaksanakan oleh semua staf bagi menyusun atur ruang yang ada di perpustakaan mengikut SOP yang ditetapkan. Kerja-kerja ini dilakukan bermula jam 10.00 pagi. Perkara pertama yang dilaksanakan adalah, menyimpan dua kerusi untuk satu meja. Kerusi-kerusi di meja karej juga diletakkan berselang seli antara satu sama yang lain. Kedudukan sofa juga dijauhkan supaya lebih ramai lagi pelanggan boleh duduk, dengan mengikut SOP. Tidak terkecuali beberapa bilik di PTDI disusun atur mengikut SOP yang ditetapkan seperti bilik seminar, bilik mesyuarat, bilik IT dan bilik perbincangan. Selain itu, beberapa peringatan ditampal di sekitar bangunan dan peralatan. Gotong-royong ini mengambil masa lebih 3 jam dengan tenaga kerja 9 orang staf.

## MY READING ADVENTURES PG : 25 JUN 2020



My Reading Adventures PG merupakan satu program perkongsian bahan bacaan yang telah dibaca oleh staf PTDI. Perkongsian ini dilaksanakan di platform Google Meet. Panel pertama iaitu Puan Siti Fatimah Mohd Fuzi membawakan buku yang bertajuk 'Kisah Malaysia Berkurung'. Buku ini merupakan terbitan Jejak Tarbiah Publication. Manakal panel ke dua, Puan Siti Dzarifah Mohd Sarifee pula berkongsi buku yang bertajuk 'I Love Quran and You?: Cintailah Quran Agar Hidupmu Tenang'. Panel ini juga berkongsi kisah mendidik anak supaya mencintai Quran. Panel ke tiga pula, Encik Mohd Asrulazlan Mohamed Hashim berkongsi buku yang membuatkan dirinya berfikir untuk menjadi suami dan ayah yang lebih baik iaitu buku yang bertajuk 'Mr. Gentleman Dambaan Wanita'. Buku ini boleh dipinjam di PTDI Kampus Pasir Gudang. Perkongsian ini diharap dapat menarik minat staf untuk turut membaca buku yang sama yang diberikan oleh panel.

## SEKALUNG BUDI SEJAMBAK KASIH : PUAN MASTIAH BINTI IBRAHIM, PEMBANTU PUSTAKAWAN, UITM CAWANAGN JOHOR

Disediakan oleh : Siti Rozana Binti Mat Sanat



Tanggal 16 Jun 2020, menjadi ingatan buat semua warga Perpustakaan Tun Dr. Ismail UITM Cawangan Johor, apabila seorang lagi staf perpustakaan akan bersara pilihan. Satu majlis Sekalung Budi Sejambak Kasih telah diadakan sebagai tanda menghargai segala jasa dan sumbangan Puan Mastiah binti Haji Ibrahim, Pembantu Pustakawan yang akan mula bersara pada 1 Ogos 2020 dan beliau telahpun mula bercuti pada 17 Julai 2020. Beliau telah mula bertugas di UiTM sejak tahun 1984 sebagai Jurutaip dan berikut adalah sejarah perkhidmatan Puan Mastiah sepanjang bertugas di UiTM:

- 1984 – Unit Pentadbiran
- 1986 – Unit Sukan
- 1990 – Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP)
- 1997 – Bahagian Perpustakaan
- 2005 – Bahagian Hal Ehwal Kademik (HEA)
- 2008 hingga 1 Ogos 2020 – Perpustakaan Tun Dr. Ismail

Majlis turut dihadiri Yang Berbahagia Profesor Dr. Ismail Ahmad, Rektor UiTM Cawangan Johor, dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri yang lain. Warga PTDI merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diatas segala jasa, tenaga, dan bakti yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di Perpustakaan hususnya dan UiTM Cawangan Johor amnya. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa dan pengorbanan yang diberikan.

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



## LAWATAN REKTOR KAMPUS KE UNIT ARKIB PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA

Tarikh : 17 Jun 2020

Tempat : Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka

Telah berlangsung, lawatan awal YBhg Rektor UiTM Cawangan Melaka, Profesor Dr. Abd Halim Bin Mohd Noor ke Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka pada 17 Jun 2020 bagi meninjau kerja-kerja naiktaraf yang telah di siapkan sepenuhnya oleh pihak kontraktor. YBhg. Rektor telah diberikan penerangan ringkas berkenaan fungsi unit dan ruang-ruang yang ada oleh Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka, Pn. Noor Hayati Abu Kassim.



## PEMBENTANGAN PROJEK PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

Tarikh : 26 Jun 2020

Tempat : PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

Pada 26 Jun 2020 telah berjalan Pembentangan Projek Pelajar Latihan Industri PTAR UiTM Cawangan Melaka, Cik Nurul Faatihah Binti Mohd Kamal Kannan yang menjalani latihan bermula 3 Februari 2020 hingga 30 Jun 2020. Walaupun tempoh latihan berjalan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelajar telah berjaya menyempurnakan tugas yang melibatkan penghasilan 4 video panduan EQPS, Web OPAC, Emerald dan Proquest serta 2 Pameran Maya bertajuk Hidayah Ramadan dan Potensi Industri Agroteknologi. PTAR UiTM Cawangan Melaka mengucapkan terima kasih atas segala usaha dan mendoakan selamat maju jaya.

## SESI PERKONGSIAN DAN PERBINCANGAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN PTAR UITM CAWANGAN MELAKA : 11 JUN 2020

Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan



PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Sesi Perkongsian dan Perbincangan Perkhidmatan Perpustakaan PTAR UiTM Cawangan Melaka pada 11 Jun 2020 melalui platform Google Meet. Sesi perbincangan yang melibatkan staf perpustakaan dari tiga kampus iaitu Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Jasin ini membincangkan tentang KPI, PI dan strategi bagi mencapai setiap inisiatif yang disasarkan. Sesi perkongsian dimulakan dengan ucapan oleh Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka, Pn. Noor Hayati Abu Kassim kemudian diteruskan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan bagi PI Unit Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan, Unit Korporat dan Unit Sistem, manakala Pn.Maznah Maarof bagi sesi PI Unit Perkhidmatan Pelanggan.

## PROSES PERSEDIAAN PEMBUKAAN OPERASI PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN MENGIKUT SOP : 1-14 JUN 2020



PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah mengambil langkah kawalan untuk membendung penularan pandemic COVID19 sebelum membuka operasi perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna. Langkah kawalan adalah mengikut Prosedur Operasi Standard Pengurusan Operasi Perkhidmatan Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi Mara Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak Covid19. Kakitangan perpustakaan telah menandakan ruangan penjarakan sosial di ruangan kegunaan pengguna, menyediakan hand sanitizer dan thermometer yang dibekalkan oleh Unit Kesihatan, menyediakan face shield secara DIY dan sebagainya mengikut SOP. Proses sanitasi keseluruhan bangunan PTAR juga telah dijalankan pada 13 Jun 2020 oleh Bahagian Pembangunan Fasiliti UiTM Cawangan Melaka bersama pekerja pembersihan.

## PEMBUKAAN OPERASI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) UiTM CAWANGAN MELAKA : 15 JUN 2020

Disediakan oleh : Hazlin Ibrahim Khan

**Perpustakaan Tun Abdul Razak  
UiTM Cawangan Melaka**

### THE LIBRARY IS NOW OPEN STARTING 15 JUNE 2020

MONDAY – FRIDAY : 9:00 AM - 4:00 PM  
SATURDAY – SUNDAY : CLOSED  
PUBLIC HOLIDAY : CLOSED

**MAXIMUM ENTRY**  
PTAR KAMPUS ALOR GAJAH = 532  
PTAR BANDARAYA MELAKA = 198  
PTAR KAMPUS JASIN = 450

**LET'S ALL DO OUR PART**

You can reduce the risk of spreading the coronavirus that causes COVID-19 by taking the same steps you'd take to avoid getting colds.

COVID-19 | CORONAVIRUS

- WEAR A FACE MASK
- CHECK YOUR TEMPERATURE
- SCAN QR CODE FOR SAFETY AND PROBABLY
- CLEAN / SANITIZE YOUR HAND
- AVOID THE MATTRESS LINE
- MAINTAIN SOCIAL DISTANCING
- ASK LIBRARIAN FOR HELP

PTAR MELAKA | UiTM Cawangan Melaka Library | PTAR UiTM Cawangan Melaka | PTAR UiTM Cawangan Melaka | PTAR UiTM Cawangan Melaka

**Perpustakaan Tun Abdul Razak  
UiTM Cawangan Melaka**

### NOTIS PEMBERITAHUAN

Sebarang Pertanyaan Mengenai Pemulangan Buku  
Sila Hubungi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan  
PTAR UiTM Cawangan Melaka

- 06-5582080 (Kampus Alor Gajah)
- 06-2857165 (Kampus Bandaraya Melaka)
- 06-2645528 (Kampus Jasin)

PTAR MELAKA | UiTM Cawangan Melaka Library | PTAR UiTM Cawangan Melaka | PTAR UiTM Cawangan Melaka | PTAR UiTM Cawangan Melaka

Perkhidmatan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka akan mula beroperasi pada 15 Jun 2020 jam 9.00 pagi-4.00 petang.

Para pengguna perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard Pengurusan Operasi Perkhidmatan PTAR UiTM semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19 seperti dibawah:

- Pengguna WAJIB memakai pelitup muka (face mask)
- Pengguna perlu melalui kaunter saringan di pintu masuk utama
- Saringan gejala, pemeriksaan suhu badan, dan pemakaian hand sanitizer akan dijalankan
- Mengimbas Kod QR bagi mengisi deklarasi harian saringan risiko dan rekod pergerakan
- Penjarakan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya jarak 1 meter antara pengguna lain
- Pengguna yang mempunyai suhu badan  $37.5^{\circ}$  atau lebih dan mempunyai gejala COVID-19 tidak dibenarkan masuk

## PROSES PEMULANGAN BUKU OLEH PELAJAR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH : 16 - 29 JUN 2020

Disediakan oleh : Safizan Sapian

**TATACARA PEMULANGAN BUKU DI PTAR KAMPUS KUALA PILAH 16-29 Jun 2020**

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Kuala Pilah

1. Imbas QR Code di pintu masuk sebelum memasuki PTAR Kampus Kuala Pilah

2. Mohon pelajar menggunakan "Hand Sanitizer" yang telah disediakan

3. Pelajar perlu beratur mengikut garis had yang disediakan untuk tujuan penjarakkan sosial

4. Pelajar isi log kemasukan ke PTAR didalam buku log yang disediakan. Masukkan suhu yang telah diambil sebelum ini.

5. Mohon pelajar ambil gambar buku yang ingin dipulangkan sebelum masukkan buku tersebut ke dalam Kotak Pemulangan Buku.

6. Mohon pelajar untuk mengisi Borang Pemulangan buku dengan mengimbas QR Code yang telah disediakan

"LibraryForAll"  
<http://library.nsembilan.uitm.edu.my>

UiTM PTAR

**MAKLUMAN**

PEMULANGAN BUKU DI PTAR KAMPUS KUALA PILAH

Buku-buku yang dipinjam boleh dipulangkan di perpustakaan bermula 16-29 Jun 2020

Perpustakaan dibuka semasa hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang sahaja

Sekian, harap maklum

Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Kuala Pilah



Pada 16 – 29 Jun 2020, proses pemulangan buku oleh pelajar UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah telah berjalan dengan jayanya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Inisiatif ini diambil apabila pihak UiTM membenarkan pelajar mengambil barang-barang peribadi mereka di kolej kemudian mereka mengikut S.O.P yang telah ditetapkan. Pihak PTAR Kampus Kuala Pilah telah menyediakan sebuah kotak pemulangan buku bagi memudahkan mereka memulangkan buku tanpa perlu pergi ke kaunter. Pada hari Sabtu dan Ahad juga pelajar boleh memulangkan buku yang mereka pinjam ke dalam kotak berkenaan dengan mengikut tatacara yang telah disediakan. Seramai 177 orang pelajar yang telah memulangkan buku dengan mengisi borang pemulangan buku secara atas talian dengan jumlah sebanyak 347 naskah buku telah dipulangkan, seterusnya telah melalui proses "check in" melalui sistem perpustakaan.

## PEMBERSIHAN RUANG SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN 11 JUN 2020

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



Kerja-kerja pembersihan sedang dijalankan.

Pada 11 Jun 2020, kerja-kerja pembersihan ruang di dalam bangunan PTAR telah dilaksanakan oleh pekerja kontrak BMES. Ini bertujuan memastikan ruang perpustakaan sentiasa berada di dalam keadaan yang bersih dan selesa walaupun waktu perkhidmatan perpustakaan masih belum dibuka kepada warga kampus. Memandangkan, pada waktu itu, warga UITM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau tidak dibenarkan hadir ke kampus kerana kampus telah dijadikan Pusat Kuarantin Covid-19. Oleh itu, kerja-kerja pembersihan ini hanya dipantau oleh seorang staf iaitu Encik Mohd Paizal Usman, Pembantu Pustakawan setelah mendapat kebenaran dari Rektor. Pemantauan kerja-kerja pembersihan ini bermula pada pukul 9 pagi sehingga 12 tengah hari.

## LAWATAN PENYELIA PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DI PTAR CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 17 JUN 2020



Sesi taklimat & pembentangan projek khas.

Pada 17 Jun 2020, pihak PTAR telah menerima lawatan dari Puan Siti Khairiyah Nordin, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Maklumat yang merupakan penyelia kepada pelajar latihan industri iaitu Saudari Nurul Khalida Shaharudin. Sesi lawatan ini telah dihadiri oleh Pn Nur Rabita Rouzan, selaku penyelia industri dan juga En Mohd Paizal Usman, Pembantu Pustakawan. Sepanjang lawatan ini, pelajar latihan industri telah membuat pembentangan projek khas yang telah disediakan oleh beliau. Projek khas tersebut telah diberikan oleh Pn Nur Rabita Rouzan, Pustakawan Kanan semasa minggu pertama beliau melaporkan diri di perpustakaan, yang memerlukan beliau menyediakan dan menyiapkannya sebelum tamat latihan industri. Nama projek khas yang perlu dibangunkan adalah Room Reservation System (RRS). Projek ini akan menggantikan tempahan manual kepada tempahan secara atas talian. Selain itu, semasa lawatan ini, turut dibincangkan tentang kemajuan dan prestasi pelajar sepanjang beliau menjalani latihan industri di PTAR UITM Cawangan Kampus Rembau.

## SESI PERKONGSIAN ILMU BAGI SISTEM EIS & LOCAL CONTENT 30 JUN 2020

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



Sesi perkongsian ilmu sedang berlangsung

Pada 30 Jun 2020, sesi perkongsian ilmu telah diadakan di Bilik Mesyuarat PTAR UiTM CNS Kampus Rembau. Pada hari tersebut, terdapat 2 sesi iaitu sesi yang pertama adalah perkongsian ilmu berkenaan sistem Executive Information System (EIS) yang telah dikongsikan oleh Puan Wan Norizan Wan Mansor, Timbalan Ketua Pustakawan. Sesi ini melibatkan semua staf di Unit Pentadbiran dari setiap Kampus di UiTM CNS. Bertujuan untuk memberi penerangan yang lebih jelas dan kefahaman bagaimana mengisi statistik bulanan dengan tepat dan menggunakan saluran yang telah ditetapkan.

Manakala, sesi ke-2 pula perkongsian ilmu dari Encik Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan iaitu cara untuk muatnaik bahan di platform Local Content. Sesi ini telah dihadiri oleh semua pengurusan PTAR UiTM CNS dan staf yang terlibat dengan penyediaan Local Content. Objektif sesi ini adalah untuk memastikan bahan yang dicari dan dimuatnaik melalui proses yang betul. Memandangkan, penyediaan Local Content merupakan tugas yang baru untuk dilaksanakan oleh staf di unit yang berkenaan.

## READ & RELAX@PTAR TAPAH

Disediakan oleh : Nur Dayana Mohd Narwawi

# READ & RELAX

Read & Relax@PTAR Tapah adalah merupakan penerbitan mengenai ulasan buku terpilih bagi menyokong pembedayaan membaca dalam kalangan pengguna.

**Read & Relax** STAY CONNECTED  
ANYHINE | ANYTIME | ANYONE

**1. DESKRIPSI**  
Buku ini sesuai dibaca oleh golongan remaja dan dewasa yang ingin belajar dalam kehidupan.

**2. KANDUNGAN**  
Buku ini adalah untuk memberi kefahaman kepada pembaca mengenai konsep-konsep untuk menjadi orang yang berjaya. Juga diutarakan tip yang boleh dilakukan.

**3. TEKNIK PENYAMPAHAN**  
Buku ini ditulis dengan gaya bahasa yang santai dan ringkas menjadikan buku ini mudah difahami dan menarik.

**4. KESIMPULAN**  
Penerbitan yang padat dan teori yang diilustrasikan dengan gaya bahasa yang mudah difahami dapat meningkatkan pemahaman dalam masa yang singkat sekaligus meningkatkan keyakinan diri pembaca.

**PSIKOLOGI ORANG BERJAYA**

Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Perak Kampus Tapah

Library perak.uitm.edu.my @SGUTMPerak @uitmperak library.uitm.perak

**Read & Relax** STAY CONNECTED  
ANYHINE | ANYTIME | ANYONE

**1. DESKRIPSI**  
Buku ini sesuai untuk remaja yang ingin belajar cara untuk menguasai pembelajaran dan kewangan.

**2. KANDUNGAN**  
Mengandungi pelbagai jenis informasi tentang cara-cara untuk menguasai pembelajaran dan menyiapkan dut bagi labakan masa hadapan.

**3. TEKNIK PENYAMPAHAN**  
Buku ini ditulis dengan gaya bahasa yang santai untuk menarik pembaca agar pembaca mudah untuk memahami konsep-konsep di dalam penerbitan ini dan dapat mengaplikasikan semua pembelajaran yang diutarakan untuk mereka pada masa kini yang sesuai dan relevan.

**4. KESIMPULAN**  
Buku ini sesuai dipelajari sebagai rujukan kepada remaja yang mengalami kesukaran dan ingin berjaya dalam menguasai pembelajaran serta melibatkan semangat untuk bersemangat pada masa hadapan.

**REMAJA BIAK BELANJA**

Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Perak Kampus Tapah

Library perak.uitm.edu.my @SGUTMPerak @uitmperak library.uitm.perak

**Read & Relax** STAY CONNECTED  
ANYHINE | ANYTIME | ANYONE

**1. DESKRIPSI**  
Buku ini sangat berguna untuk dipelajari penerbitan dan rujukan oleh pelajar yang sedang menamatkan pemahaman IPT, pelajar baru & lama di IPT serta ibu bapa & guru.

**2. KANDUNGAN**  
Buku ini membincangkan apakah masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar di IPT. Mempunyai 20 cara untuk menjadi pelajar IPT yang cemerlang dan dapat memotong pelajar untuk lebih berkesan dalam menyoal kecamerlangan.

**3. TEKNIK PENYAMPAHAN**  
Buku ini sangat menarik kerana mampu berfahaman buku masyaikh yang sangat santai dan mudah difahami. Buku ini juga diilustrasikan dengan petua menarik dan gambar-gambar yang menarik.

**4. KESIMPULAN**  
Buku ini dapat membantu pelajar membaca diri, mengubah paradigma dan mengawal tingkah laku yang tidak baik dan seterusnya mengubah tingkah laku yang negatif.

**PELAJAR IPT CEMERLANG**

Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Perak Kampus Tapah

Library perak.uitm.edu.my @SGUTMPerak @uitmperak library.uitm.perak

**Read & Relax** STAY CONNECTED  
ANYHINE | ANYTIME | ANYONE

**1. DESKRIPSI**  
Buku ini sesuai dibaca oleh golongan remaja dan dewasa yang ingin mempelajari konsep-cara untuk menguasai ilmu yang kita didikan.

**2. KANDUNGAN**  
Prof. Dr Yusuf Al-Qasbi mengilhami mengenai setiap aspek masyarakat daripada aspek ekonomi, sains, pendidikan, budaya, etnik, sehinggalah aspek budaya serta aspek yang menggambarkan keharmonian Islam sebagai agama yang sudi dan tidak hanya terkandung kepada politik, ekonomi sahaja namun hubung serantau-mesta.

**3. TEKNIK PENYAMPAHAN**  
Buku ini ditulis dengan gaya bahasa yang santai dan mudah difahami agar dapat membolehkan pembaca untuk memahami konsep-konsep yang diutarakan.

**4. KESIMPULAN**  
Penerbitan ini berkesan dan berkesan dalam meningkatkan minat dan keaktifan membaca kepada golongan remaja yang membaca dengan minat.

**MASYARAKAT ISLAM YANG KITA IDAMKAN**

Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Perak Kampus Tapah

Library perak.uitm.edu.my @SGUTMPerak @uitmperak library.uitm.perak

**Read & Relax** STAY CONNECTED  
ANYHINE | ANYTIME | ANYONE

**1. DESKRIPSI**  
Buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat usia yang ingin mengetahui cara menguasai wang.

**2. KANDUNGAN**  
Buku ini sesuai dengan tips dan panduan ringkas serta praktikal cara untuk mengendalikannya dengan baik. Buku ini juga merupakan penerbitan yang berguna untuk uruskan wang dengan bijak serta cara pemantauan dan perbandingan gaji agar dapat dibelanjakan dengan betul.

**3. TEKNIK PENYAMPAHAN**  
Buku ini ditulis dengan gaya bahasa yang santai dan mudah difahami agar dapat membolehkan pembaca untuk memahami konsep-konsep yang diutarakan. Buku ini juga mempunyai nota yang berguna untuk menarik minat pembaca.

**4. KESIMPULAN**  
Buku ini dapat mengajar bagaimana cara untuk menguasai wang dengan baik dan berkesan pada masa hadapan.

**WANG ADA DIMANA?**

Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Perak Kampus Tapah

Library perak.uitm.edu.my @SGUTMPerak @uitmperak library.uitm.perak

## LAWATAN REKTOR UiTM CAWANGAN PULAU PINANG KE PTAR KAMPUS PERMATANG PAUH 5 JUN 2020

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



### Sesi lawatan Puan Rektor di sekitar PTAR Kampus Permatang Pauh

Pada awal Jun 2020, PTAR Kampus Permatang Pauh telah menerima kunjungan Puan Rektor yang baharu, Profesor Dr. Salmiah Kasolang@Kasalong bersama barisan ahli JKEN dan Bahagian Pengurusan Fasilitas UiTM Cawangan Pulau Pinang. Kunjungan ini diadakan untuk meninjau PTAR Kampus Permatang Pauh sebagai gedung ilmu di UiTM Cawangan Pulau Pinang untuk penambahbaikan dari segi estetika dan fungsi PTAR. Dalam sesi kunjungan itu, Puan Rektor memberikan beberapa cadangan penambahbaikan untuk menambah keceriaan di dalam dan luar PTAR. Salah satu cadangan beliau adalah Projek Penghijauan (Greenation Project) di kawasan luar PTAR dan juga ruang dalaman PTAR. Selain itu, Puan Rektor juga memberikan pujian atas usaha PTAR untuk menceriakan ruangan di dalam PTAR dengan menggunakan sumber yang terhad. Di akhir kunjungan, Puan Rektor berharap cadangan-cadangan yang telah dibincangkan akan segera dilaksanakan dalam tempoh masa terdekat.

## MY FAVOURITE READ 11 JUN 2020

Dalam usaha menyahut seruan galakan membaca di kalangan pengguna PTAR, melangkaui sempadan fasa PKP yang sedang berlangsung, PTAR UiTM CPP telah mengadakan Program "My Favourite Read" melalui platform Google Meet. Panel jemputan pada kali ini merupakan Ketua Bidang Matematik, Jabatan Sains Komputer dan Matematik, Puan Noor'Aina Abdul Razak dan Pensyarah Kanan daripada Jabatan Sains Gunaan, Puan Suhaiza Hasan. Perkongsian Puan Noor'Aina melalui novel Natrah, cinta, rusuhan, air mata yang mengisahkan tentang perebutan hak penjagaan Natrah seorang anak Belanda yang dijaga oleh seorang wanita Melayu.

Kemelut hidup Natrah diceritakan sehingga ke akhir hayatnya. Dalam buku Travelog Ijazah Jalanan karya Muhammad Syauqi pula membicarakan pengalaman penulis menjelajah ke negara orang dan dengan membaca coretan penulis, kita seolah-olah ikut sama dalam penjelajahan itu. Puan Suhaiza pula berkongsi tentang buku bertajuk Diet Tanpa Stres tulisan Arif Syukri. Menariknya buku ini kepada panel, buku ini memberi inspirasi kepada beliau untuk menguruskan badan. Pelbagai tips telah dikongsikan bersama pendengar sepanjang satu jam bersiaran. Program siaran langsung ini telah menarik seramai 180 pendengar daripada kalangan staf UiTM CPP dan kampus-kampus lain.

## TAKLIMAT UNIT ARKIB, PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UiTM CAWANGAN KEDAH 24-28 JUN 2020

Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah



Puan Atirah Ruslan, Ketua Unit Arkib Cawangan (UAC) UiTM Kedah telah mengadakan satu sesi taklimat berbentuk konsultasi ke bahagian/unit di UiTM Cawangan Kedah bermula daripada 24 Jun 2020 sehingga 28 Jun 2020. Objektif program ini adalah untuk bertemu Ketua Bahagian dan Unit bagi pelantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) yang terdapat di bahagian/unit serta menyampaikan maklumat mengenai penyerahan rekod penting yang dapat diserahkan kepada pihak UAC. Melalui sesi ini juga, pihak UAC berpeluang untuk melihat sistem pengurusan rekod serta fail yang diamalkan di bahagian/unit. Dalam masa yang sama, mendapatkan maklumbalas secara terus daripada bahagian/unit berkenaan. Beberapa perkara penting telah dikongsikan kepada PRJ dan PTRJ antaranya mengenai tatacara permohonan pelupusan yang perlu dilaksanakan melihat kepada situasi semasa bilik rekod di bahagian/unit.

**LIVE**  
**STREAMING**

## WACANA "DARI KALKULATOR KE MATA PENA" : 17 JUN 2020

Disediakan oleh : Hamizah Sakri

STAY CONNECTED  
REC

00:00:20

DRB-HICOM UNIVERSITY  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

WACANA LIBATSAMA  
**"DARI KALKULATOR KE MATA PENA"**  
LIVE @ PDJH 17 Jun 2020 | 10.00 pagi - 12.00 tengahari

PANEL JEMPUTAN  
**IR. HJ. SHAMIL ABU HASSAN**  
Senior Dean Corporate Training Institute  
Dato - Faculty of Engineering & Technology  
DSB Nicosa University  
Pekalis Bukit

MODERATOR  
**Khairil Izwan Hasan**  
Pustakawan  
Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan

UTIM @ PDJH

<http://library.perlis.uitm.edu.my/>

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan

MENU

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan is live now.  
3 mins

Wacana Libatsama "Dari Kalkulator ke Mata Pena" - 1...

LIVE 38

LIVE @ PDJH

Khairil Izwan Hasan

IR. HJ. SHAMIL ABU HASSAN

Penafian : Program ini adalah bagi tujuan pe...

LIVE @ PDJH

Khairil Izwan Hasan

IR. HJ. SHAMIL ABU HASSAN

ilmu sahaja. tanya hanyalah pendapat dan komen peribadi panel dan bukan pendirian r...

Muhammad Syarif

Bob Shah  
👍👍👍

Kay Zack Hasbullah  
mantapp tuan moderator bossku

Awan Biru  
Assalamualaikum...kampus Seremban hadir

Kay Zack Hasbullah  
Ayein Khairil terbaik...mcm pembaca berita boss

Wacana " Dari Kalkulator ke Mata Pena" telah menampilkan IR. Hj Shamil Abu Hassan sebagai panel jemputan daripada Universiti DRB Hicom. Wacana ini telah dikendalikan oleh Pustakawan daripada Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UiTM Cawangan Perlis iaitu En. Khairil Izwan. Program wacana ini telah berlangsung pada 17 Jun 2020 selama 2 jam iaitu dari jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari.

Wacana ini membincangkan mengenai buku-buku yang telah ditulis, pasaran jualan dan perkembangan terbaru penulisan daripada IR. Hj Shamil Abu Hassan. Antara koleksi buku beliau adalah novel 'Meniti Lembayung Senja', 'Thesis Writing In 14 Days', 'Makati Penantian yang Tidak Pasti', 'Tuhanku, Hambamu Bermunajat' dan 'Professional Engineer Interview'.

IR. Hj Shamil Abu Hassan turut berkongsi mengenai sebuah novel ilmiah hasil penulisannya bertajuk 'Meniti Lembayung Senja' yang mengisahkan mengenai perisikan, cinta dan dendam. Menurut IR. Hj Shamil Abu Hassan, beliau cuba untuk menggunakan wadah ini sebagai laluan alternatif untuk mendekatkan hasil penulisan beliau kepada masyarakat, memberi pengajaran teknikal berbentuk novel, selain turut cuba untuk memberi peluang kepada golongan pembaca mengenai dunia teknologi dan kejuruteraan.

**LIVE**  
**STREAMING**

**FORUM " SILAT GAYONG : ANTARA MITOS DAN FAKTA "**  
**: 30 JUN 2020**

Disediakan oleh : Hamizah Sakri

Forum "Silat Gayong: Antara Mitos dan Fakta" telah menampilkan 2 orang ahli panel iaitu, Tuan Syed Syahbuddin Syed Omar, Pensyarah Kanan FSR, UTM Cawangan Perlis serta En. Farady Omar, Jurulatih Kanan PSSGM Negeri Perlis. Forum ini telah dikendalikan oleh Pustakawan daripada Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UTM Cawangan Perlis iaitu En. Khairil Izwan. Program wacana ini telah berlangsung pada 30 Jun 2020 selama 1 jam iaitu dari jam 11.00 pagi sehingga 12.00 tengahari.

Barisan ahli panel telah berkongsi cerita mengenai asal-usul seni silat gayong di Malaysia. Silat adalah sejenis ilmu bela diri dan amat sinonim dengan masyarakat Melayu yang digunakan untuk mempertahankan diri suatu ketika dahulu. Salah satu seni silat yang terkenal di negara kita adalah Silat Seni Gayong Malaysia. Dato Meor Abdul Rahman bin Uda Mohd Hashim merupakan Pengasas Persatuan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM). Memandangkan sambutan terhadap seni silat ini amat menggalakkan, beliau mencadangkan supaya ia didaftarkan.

## "MEMBUAT TANDA-TANDA PENJARAKKAN SOSIAL DI PERPUSTAKAAN" : 19 JUN 2020

Disediakan oleh : Hamizah Sakri



Pada 19 Jun 2020 yang lalu, operasi membuat tanda-tanda penjarakkan sosial telah dilakukan oleh staf perpustakaan di seluruh bahagian bangunan perpustakaan. Operasi tersebut melibatkan kedua-dua buah bangunan Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan.

Seramai 15 orang staf perpustakaan telah terlibat dalam meletakkan tanda-tanda serta menyusun atur semula kerusi dan meja bagi mewujudkan penjarakkan sosial di perpustakaan. Tanda "X" telah dilekatkan bagi menyatakan bahawa tidak dibenarkan duduk di kerusi yang disediakan.

Proses membuat tanda-tanda dan menyusun atur ini berlangsung selama 2jam meliputi bangunan Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan 1 dan bangunan Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan 2.

**LIVE**  
**STREAMING**

**WAKAF 4.0 LIVE@PAB: "HOW TO BE SUCCESSFUL  
IN ONLINE INTERVIEW" : 04 JUN 2020**

Disediakan oleh : Roshairi bin Che Razali

00:00:20:05

PERPUSATAAN AI-BUKHARI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
AI-Bukhari  
Cawangan Pahang

How to be successful in  
**ONLINE INTERVIEW**  
4 Jun 2020 | 10.00 pagi - 11.00 pagi

**PANEL JEMPUTAN**  
1920X1080 25 FPS

**MODERATOR**

Nik Akmal  
Konsultan Kerjaya  
& Career Cube,  
Speaker ML Studio

Asnawi Yusof,  
Perunding Imej Profesional  
Bertauliah

Nurfarawahidah  
Pustakawan Kanan,  
Perpustakaan AI-Bukhari,  
UITM Cawangan Pahang

LIVE @ PAB (<https://www.facebook.com/library.uitm.pahang/>)  
Anjuran : Perpustakaan AI-Bukhari

Perpustakaan  
AI Bukhari Uitm Pahang

libphg

<http://library.pahang.uitm.edu.my/>

LIB@UITMPAHANG

Perpustakaan AI-Bukhari, UITM Cawangan Pahang  
21 mins

Moderator : Nurfarawahidah Badruesha...

LIVE 191

Farawahidah

Nik Akmal

Asnawi Yusof

BE SUCCESSFUL IN ONLINE INTERVIEW

Putuini putuini

Effa Syafiya

1. Ring alarm 30 minit sebelum interview.
2. Buat research dengan lebih mendalam, nak tahu syarikat tu apa masalah, nak apa, dan cara syarikat tu nak survive ketika musim Covid ini.
3. Mata tengok kamera (best position)
4. Senyum dan main intonasi ( Jangan jadi boring)
5. Kena rehearse, (Buat skript, baca skript, ulang skript sampai familiar) - Dont memorise the script , but you need to get familiar with it.
6. Background clear, takde sebarang gangguan - boleh fokus kepada anda.
7. Test dulu position anda di kamera b4 interview.

Share Write a comment...

Pada 04 Jun 2020 (khamis) satu Program Wakaf 4.0 Live@PAB: "How to be Successful in Online Interview" anjuran Perpustakaan AI-Bukhari (PAB). Bual bicara ini dikongsikan bersama panel-panel jemputan secara atas talian ekoran kesulitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Program ini telah dimoderatkan oleh Puan Nurfarawahidah Badruesham, Pustakawan Kanan PAB dan panel jemputan terdiri daripada Encik Nik Akmal merupakan Konsultan Kerjaya di Career Cube, Speaker ML Studiologi Sains. Panel kedua ialah Encik Asnawi Yusof merupakan Perunding Imej Profesional Bertauliah. Penekanan dalam program ini adalah berkaitan dengan teknik dan cara yang lebih baik dan efisien dalam menghadapi temuduga secara dalam talian. Dengan ini sedikit sebanyak dapat membantu dan memberi tips kepada peserta yang akan menghadapi temuduga ini. Sambutan mengalakkan diberikan oleh pelajar-pelajar dan juga staf UITM Cawangan Pahang serta staf UITM dari cawangan lain dengan tontonan terkini sebanyak 3150 orang dari seluruh kampus UITM. Program juga menyediakan Jam Latihan kepada staf UITM yang menyertai sehingga tamat siaran langsung tersebut.

**LIVE**  
**STREAMING**

**WAKAF 4.0 LIVE@PAB : R&R BERSAMA AKADEMI BONDA NOR : MEMBACA, TERAPI MINDA : 09 JUN 2020**

Disediakan oleh : Roshairi bin Che Razali

STAY CONNECTED  
AMBIK CAMPUS, ANTARUK 1, ANTONIO

Tajuk : **R&R bersama AKADEMI BONDA NOR : MEMBACA, TERAPI MINDA.**  
9 Jun 2020 | 10.00 pagi - 11.00 pagi

PANEL JEMPUTAN

MODERATOR

Abdul Mueez Ruslee  
Guru Bimbingan & Kaunseling  
SMK Sungai Besar

Liza Suhana Ramli  
Pensyarah  
Jabatan Kejuruteraan Kanan  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
Kulim Kedah

Ummu Nurin  
Pengurus cawangan  
Fadlim Travel & Tours Sdn. Bhd.  
Makassar

Mohd Anwar Hashim  
Perpustakaan Kanan,  
Perpustakaan Iqra' Abdul Razak,  
UITM Cawangan Pahang.

Perpustakaan  
Al-Bukhari Uitm Pahang  
<http://library.pahang.uitm.edu.my/>

libphg LIVE @ PAB (<https://www.facebook.com/library.uitm.pahang/>)  
LibUITMPahang Anjuran : Perpustakaan Al-Bukhari

Video Details

Total Video Performance Showing All

← Top Audience → Women, 35-44

Jun 8 - Jun 9  
12.8K Minutes Viewed 34% Men 66% Women

Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang: WAKAF 4.0 LIVE@PAB : R&R Bersama Akademi Bonda Nor : Membaca Terapi Jemputan ke Program Wakaf 4.0 Live@PAB : R&R Bersama Akademi Bonda Nor : Membaca, Terapi Minda" Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UITM Cawangan Pahang akan mengadakan Program Live@PAB : Bual Bicara Perkongsi...

Pada 09 Jun 2020 (Selasa) satu Program Wakaf 4.0 Live@PAB; "R&R Bersama Akademi Bonda : Membaca Terapi Minda" anjuran Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Bual Bicara ini dikongsikan bersama panel-panel jemputan secara atas talian ekoran kesulitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Program ini telah dimoderatkan oleh Encik Mohd Anwar Hashim, Pustakawan Kanan PTAR Cawangan Raub, UITM Cawangan Pahang dan panel jemputan terdiri daripada Encik Abdul Mueez Ruslee merupakan Guru Bimbingan & Kaunseling SMK Sungai Besar. Panel kedua ialah Puan Liza Suhana Ramli merupakan Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah. Panel ketiga ialah Puan Ummu Nurin, Pengurus cawangan Fadlim Travel & Tours Sdn. Bhd. dan juga merupakan seorang Mutawifah. Penekanan dalam program ini adalah berkaitan perkongsian bahan bacaan dan bagaimana dengan membaca dapat membantu kita dari tekanan dan juga sebagai terapi kepada minda kita. Sambutan mengalakkan diberikan oleh pelajar-pelajar dan juga staf UITM Cawangan Pahang serta staf UITM dari cawangan lain dengan tontonan terkini sebanyak 1845 orang dari seluruh kampus UITM. Program juga menyediakan Jam Latihan kepada staf UITM yang menyertai sehingga tamat siaran langsung tersebut.

**LIVE**  
**STREAMING**

**WAKAF 4.0 LIVE@PAB : "ANDA MALAS, ANDA BERAT"**  
: 16 JUN 2020

Disediakan oleh : Roshairi bin Che Razali

STAY CONNECTED  
INSTANTLY FROM THE I ANYONE

00:00-20:05

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Cawangan Pahang

Tajuk :  
**'Anda Malas, Anda Berat'**

16 Jun 2020  
03.00 petang - 04.00 petang

PANEL JEMPUTAN

1920X1080 25 FPS

MODERATOR

Mohd. Ikhsan Md. Raus  
Ketua Unit Kualiti UTM Cawangan Pahang

Mohd Haniffa Sariman  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi  
UITM Cawangan Pahang

Mohd Fadli Samsudin  
Pustakawan Kanan, Perpustakaan Al-Bukhari  
UITM Cawangan Pahang

LIVE @ PAB  
(<https://www.facebook.com/library.uitm.pahang/>)  
Anjuran : Perpustakaan Al-Bukhari dengan kerjasama Unit Kualiti

libphg  
LibUITMPahang  
Perpustakaan Al-Bukhari Uitm Pahang  
<http://library-pahang.uitm.edu.my/>

Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang...  
13 mins

Tajuk : ' Anda Malas, Anda Berat...'

LIVE 190

WAKAF 4.0 LIVE@PAB : Anda Malas, Anda Berat

Burns Scania

Shahr  
As Didot Md Arop  
Replying to As  
done share cik fara Nurfarawahidah  
Badresham hee... tu lsa  
sempoiiii...senyum ye senyum hehehe

Hayati Mokhtar

Nas Syim "Sir KE mai gym la."

Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang  
Mohon semua share program siaran  
langsung kita petang

Share Write a comment...

Pada 16 Jun 2020 (Selasa) satu Program Wakaf 4.0 Live@PAB : "Anda Malas, Anda Berat" anjuran Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) Bersama Unit Kualiti UITM Cawangan Pahang. Bual bicara ini dikongsikan bersama panel-panel jemputan secara atas talian ekoran kesulitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Program ini telah dimoderatkan oleh Encik Mohd Fadli bin Samsudin, Pustakawan Kanan PAB dan panel jemputan terdiri daripada Encik Mohd. Ikhsan Md. Raus merupakan Ketua Unit Kualiti, UITM Cawangan Pahang. Panel kedua ialah Encik Mohd Haniffa Sariman merupakan Ketua Pusat Pengajian Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UITM Cawangan Pahang. Dalam program ini berkaitan dengan teknik dan cara yang lebih baik dan efisien dalam melakukan senaman ketika kita berada di rumah, pejabat serta senaman yang lebih sesuai. Sambutan mengalakkan diberikan oleh pelajar-pelajar dan juga staf UITM Cawangan Pahang serta staf UITM dari cawangan lain dengan tontonan terkini sebanyak 2650 orang dari seluruh kampus UITM. Program juga menyediakan Jam Latihan kepada staf UITM yang menyertai sehingga tamat siaran langsung tersebut.

**LIVE**  
**STREAMING**

**WAKAF 4.0 LIVE@PAB : "KOMUNIKASI PASCA PKP"**  
**: 22 JUN 2020**

Disediakan oleh : Roshairi bin Che Razali

**STAY CONNECTED**  
ANYWHERE ANYTIME ANYONE

00:00

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Perpustakaan J. Bikhari

Perpustakaan J. Bikhari

**WAKAF 4.0 LIVE@PAB**

**KOMUNIKASI PASCA PKP**

22 June 2020 (Isnin) • 10.30 pagi - 11.30 pagi

15:04:10:00:25 FPS

**Panel**  
Zaim Zin,  
Jurulatih PSMB Berauliah

**Moderator**  
Nurfarahidah Badruesham  
Pustakawan Kanan, Perpustakaan  
Al-Bukhari, UTM Cawangan Pahang

Libphg  
LibUITMPahang  
Perpustakaan  
Al-Bukhari Uitm Pahang  
<http://library.gahang.uitm.edu.my/>

Unit Kualiti  
di bawah naungan  
Perpustakaan J. Bikhari  
UITM

SITI NORHAFIZA MOHD KHAZAI

11:45 AM



NURUN NADHIRAH MD ISA 11:45 AM

Terbaik

WAN ROSLI WAN RAJAB 11:45 AM

terbaik antara yang terbaik

NOR ISMANIZA MAT NOR 11:45 AM

Terbaik

Wan GG 11:45 AM

terima kasih tuan zaim..terbaik..sangat membantu



HABIBAH HAMZAH 11:45 AM

Tajuk & Penyampian sangat baik & seronok, terima kasih

MARIANI HAMID 11:45 AM

Terima kasih

ZAIRIZAM MUHAMAD ROHANI 11:45 AM



Pada 22 Jun 2020 (Isnin) satu Program Wakaf 4.0 Live@PAB : "Komunikasi Pasca PKP" anjuran Unit Kualiti UTM Cawangan Pahang dengan kerjasama Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Bual bicara ini dikongsikan bersama panel jemputan secara atas talian ekoran kesulitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan(PKP). Program ini telah dimoderatorakan oleh Puan Nurfarahidah Badruesham, Pustakawan Kanan PAB dan seorang panel jemputan ialah Encik Zaim Zain yang merupakan seorang Jurulatih PSMB Berauliah. Sambutan mengalakkan diberikan oleh pelajar-pelajar dan juga staf Uitm Cawangan Pahang serta staf Uitm dari cawangan lain dengan tontonan terkini sebanyak 741 orang dari seluruh kampus Uitm. Program juga menyediakan Jam Latihan kepada staf Uitm yang menyertai sehingga tamat siaran langsung tersebut.

**LIVE**  
**STREAMING**

**WAKAF 4.0 LIVE@PAB : "SEGMENT BERSAMA PAKAR;  
TADDABUR TIME! (SURAH GHAFIR & SURAH AL-WAQIAH)" :**  
29 JUN 2020

Disediakan oleh : Roshairi bin Che Razali

REC 00:00:20:05

STAY CONNECTED ANYTIME, ANYWHERE

Segmen bersama pakar  
**Tadabbur Time!**  
SURAH AL-GHAFIR & SURAH AL-WAQIAH  
29 Jun 2020 (Isnin)  
10.00 pagi - 11.00 pagi

**Panel**  
Dr. Norhapizah Surhan  
Penyarah Kanan  
Koordinator ACIS  
UITM Cawangan Pahang

**Panel**  
Ainun Mardiah Ismail  
Trainer  
@ Hadeef Training Consultant

**Moderator**  
Nurfurawahidah Badruesham  
Penyelaman Kanan,  
Perpustakaan Al-Bukhari,  
UITM Cawangan Pahang

LIVE @ PAB  
(<https://www.facebook.com/library.uitm.pahang/>)

libphg  
LibUITMPahang  
Perpustakaan Al-Bukhari Uitm Pahang  
<http://www.library.pahang.uitm.edu.my/>

1920X1080 25 FPS

PEWANI Pahang  
Perpustakaan Al-Bukhari  
UITM Cawangan Pahang

Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang  
Tajuk: SEGMENT BERSAMA PAKAR TADABUR TIME...  
LIVE 145  
LIVE@PAB  
Ustazah Ainun Mardiah Ismail  
WAKAF 4.0 LIVE@PAB : TADABUR TIME!

memulasabab diri ini 🙏🏻

Faizal Abd Jabar  
Beful...rasa tak best...tgn kecut asik  
sanitize jek...so tkyah g mana2 dok  
rumah jek...nikmati hidup di rumah... 🙏🏻

Perpustakaan Al-Bukhari Uitm Pahang  
is watching with you.

Nur Afzan Abu Kassim is watching.

Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan  
Pahang  
Mohon semua share dan panjangkan  
program ini. Jam Latihan kepada staf  
UITM akan diberi diakhir rancangan.

Share Write a comment...

Pada 29 Jun 2020 (Isnin) satu Program Wakaf 4.0 Live@PAB : "Segmen Bersama Pakar; Tadabbur Time! (Surah Ghafir & Surah Al-Waqiah)" anjuran Pewani Pahang dengan kerjasama Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Bual bicara ini dikongsikan bersama panel-panel jemputan secara atas talian ekoran kesulitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Program ini telah dimoderatkan oleh Puan Nurfurawahidah Badruesham, Pustakawan Kanan PAB dan panel jemputan terdiri daripada Dr. Norhapizah Mohd Burhan, Penyarah Kanan ACIS, UITM Cawangan Pahang. Panel kedua ialah Ustazah 'Ainun Mardiah Ismail, Trainer di Hadeef Training Consultant. Sambutan mengalakkan diberikan oleh pelajar-pelajar dan juga staf UITM Cawangan Pahang serta staf UITM dari cawangan lain dengan tontonan terkini sebanyak 2716 tontonan dari seluruh kampus UITM. Program juga menyediakan Jam Latihan kepada staf UITM yang menyertai sehingga tamat siaran langsung tersebut.

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



## KUNJUNGAN ZIARAH PUAN WIDAWATI, PEMBANTU PUSTAKAWAN

Tarikh : 23 Jun 2020

Tempat : Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Terengganu

*Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Dungun, yang diketuai oleh En. Nik Lokman Nik Ismail, Pustakawan Kanan, telah mengadakan kunjungan ziarah ke rumah Puan Widawati Ariffin, Pembantu Pustakawan UiTMCT Kampus Dungun pada 23 Jun 2020, Rabu yang lalu. Beliau yang telah menjalani pembedahan salur darah di kepala pada bulan Mei tempohari dan dijangka mendapatkan rawatan berkala di hospital untuk suatu tempoh yang panjang. Warga Perpustakaan Cendekiawan mendoakan agar Puan Widawati cepat sembuh dan dapat kembali sihat seperti biasa. Insyallah.*



## LAWATAN DI BANGUNAN TAMBAHAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN DAN PERBINCANGAN BERSAMA PENGURUSAN UiTMCT, BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI UiTMCT &amp; UiTM SHAH ALAM

Tarikh : 23 Jun 2020



## SUMBANGAN WAKAF BUKU PUITM CAWANGAN TERENGGANU

Tarikh : 29 Jun 2020

Tempat : Perpustakaan Cendekiawan, UITM Terengganu

*Pihak Perpustakaan Cendekiawan berbesar hati untuk menyumbang buku bacaan umum kepada pelajar Maahad Tahfiz - Madrasah Addiniyyah Al-Jaliliyyah (Maahad Tahfiz), Dungun. Sumbangan disampaikan oleh En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan, kepada wakil Pengetua Maahad Tahfiz tersebut yang tidak dapat hadir kerana faktor kesihatan. Semoga dengan sumbangan ini dapat meningkatkan pengetahuan seterusnya membudayakan ilmu di kalangan para pelajar.*

## KONSULTANSI PELUPUSAN FAIL BERSAMA PIHAK PTAR UITM SABAH : 18 JUN 2020

Disediakan oleh : Marlia Yuming




Seramai 9 orang terlibat dengan Konsultasi Pelupusan Fail bersama pihak PTAR UITM Sabah dan pihak Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) pada 18 Jun 2020 yang telah diadakan di Pejabat Am Hal Ehwal Pelajar, konsultasi ini bertujuan untuk mendapatkan khidmat nasihat mengenai pelupusan rekod/fail yang cekap. Aktiviti ini akan membantu unit dalam mengatasi masalah pengurusan, penyimpanan dan penjagaan timbunan rekod yang tidak aktif.



Siri ke-2 Konsultasi Pengurusan dan Pelupusan Rekod ke Unit ICT Bahagian Infostruktur UITM Cawangan Sabah pada 23 Jun 2020, seramai 7 orang staf terlibat dengan konsultasi ini yang telah di ketuai oleh Encik Romi Rampun @ Ramlan, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UITM Cawangan Sabah.

## SOP PENJARAKAN SOSIAL DI PERPUSTAKAAN : 08 JUN 2020

Disediakan oleh : Hapsah Suut



Pihak pengurusan PTAR UiTM Cawangan Sarawak. Sebagai langkah berjaga-jaga dan seterusnya mengambil langkah inisiatif, staf PTAR Sarawak melakukan penjarakan sosial di premis perpustakaan. Langkah ini amatlah penting dalam mencegah penularan Covid-19 seterusnya menjadikan Perpustakaan tempat yang bersih dan selamat untuk digunakan. Penjarakan sosial dilaksanakan dipremis perpustakaan dengan memastikan setiap pekerja atau pelawat menjarakkan diri dalam jarak 1 meter bagi mengelakkan berlaku sentuhan atau penyebaran virus.

## BOMBA SARAWAK LAKSANA OPERASI SANITASI DI PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN SARAWAK KAMPUS SAMARAHAN : 16 JUN 2020



Demi mengekang penularan Covid-19, sejak 30 Mac lalu hingga hari ini, program sanitasi awam dilaksanakan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak di seluruh negeri. Langkah itu bagi memastikan warga UiTM kembali ke kepada rutin harian dalam keadaan selesa dan selamat selain tidak bimbang penularan wabak pandemik Covid-19. Lokasi yang dinyahcemar seluruh jabatan di UiTM Kampus Samarahan, termasuk bangunan Pustaka Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan. Ia bagi memenuhi prosedur operasi standard (SOP) sebelum sekolah dibuka tidak lama lagi ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Ini bagi bersedia menerima kemasukan pelajar pada bila-bila masa apabila diumumkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## SAL.CO (SARAWAK LIBRARIANS COLLOQUIUM) 6 JUN 2020

Disediakan oleh : Hapsah Suut



## Sarawak Librarian Colloquium

Pada 6 Jun 2020 telah berlangsung Sarawak Librarian Colloquium (SAL.co) kali ke-empat sempena sambutan Hari Pustakawan Sedunia yang dianjurkan bersama oleh Pustaka Negeri Sarawak dan Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak (PPMKSAR). Bagaimanapun, kolokium kali ke-empat ini dijalankan secara atas talian berikutan penularan pandemik Covid-19 yang melanda negara. Manakala, tema yang dipilih untuk kolokium kali ini ialah Librarian. Connect. Community (LCC) bersesuaian dengan situasi semasa. Sebanyak empat kertas kerja dan empat poster dibentangkan oleh para Pustakawan dan juga Pensyarah daripada pelbagai institusi seperti Pustaka Negeri Sarawak, Universiti Teknologi MARA Sarawak, Institut Perguruan Batu Lintang dan Universiti Malaysia Sarawak.

Salah seorang Pustakawan PTAR UITM Cawangan Sarawak iaitu Puan Nur Afeqah Abdullah telah dijemput menjadi ahli Panel bagi sesi Forum. Selain itu, beliau juga menjadi Co-Author bagi pembentangan kertas kerja yang bertajuk "Do you like your library?" / Philomena Septimus Amit, Nur Afeqah Abdullah, Norazlina Abdul Rahman and Wan Mazli bin Wan Razali. Kolokium kali ini berjaya mengumpulkan semua pustakawan serta professional maklumat seluruh negeri Sarawak.

## JOM BELAJAR MENGAJI @ PTAR CAWANGAN SARAWAK 26 JUN 2020



Sepanjang kita masih dalam "Tempoh Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)" Pihak PTAR UITM Cawangan Sarawak ingin berkongsi bersama tentang tips@Jom Mengaji, secara langsung di Facebook Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Sarawak pada 26 Jun 2020 yang lalu. Sesi perkongsian ilmu Al-Quran selama 10 minit ini telah dikendalikan oleh En. Ismawi Hj. Ibrahim, Pembantu Pustakawan Kanan. Semoga perkongsian ringkas ini serba sedikit dapat memberi manfaat kepada kita bersama untuk memperbaiki bacaan kita.